

25/01/2002

Khair Toyo Pengerusi Badan Perhubungan

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan pelantikan Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor menggantikan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib yang melepaskan jawatan itu secara sukarela.

Pelantikan itu diumumkan Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Perdana Menteri berkata, dengan peralihan itu, Muhammad yang juga Naib Presiden Umno, dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor.

Beliau berkata, Muhammad meletakkan jawatannya secara sukarela dan perkara itu bukanlah perkara baru kerana pernah berlaku di kalangan beberapa pemimpin Umno sebelum ini.

Bekas Menteri Besar Selangor itu berkata, beliau memang berhasrat melepaskan jawatan berkenaan sejak tahun lalu.

"Saya dulu pun Menteri Besar Selangor dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno sekali. Saya fikir Dr Mohamad Khir sudah setahun setengah jadi Menteri Besar.

"Saya rasa beliau sudah layak mengambil alih. Lebih elok kita seragamkan jawatan Umno ini di bawah satu pemimpin. Lagi pun Datuk Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin Yasin, di Pahang dan Johor, adalah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan," katanya.

Muhammad berkata, ketika ini, beliau mempunyai banyak tanggungjawab pada peringkat Pusat, termasuk memantau beberapa kawasan pilihan raya.

Katanya, peletakan jawatan itu membolehkannya menumpu perhatian kepada kawasan berkenaan dan menyerahkan kepada Menteri Besar untuk mempengerusi Badan Perhubungan Umno.

"Saya akan bekerjasama dengan pengerusi baru. Apa yang penting kekuatan parti, perpaduan parti dan bukan jawatan yang dipegang," katanya.

Beliau menganggap lebih sesuai jawatan berkenaan diselaras di semua negeri, yang mana Menteri Besar menjadi Pengerusi Badan Perhubungan.

Dalam perkembangan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT hari ini turut memutuskan tidak ada usaha menyekat kemasukan serta pertukaran keahlian ke cawangan lain menjelang pemilihan peringkat cawangan.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata mesyuarat berkenaan juga bersetuju penubuhan 44 cawangan baru.

"Kita juga memutuskan Puteri Umno yang memohon menjadi ahli Umno mengikut prosedur biasa melalui peringkat cawangan, dibenarkan hadir sebagai ahli Umno yang berdaftar dalam mesyuarat yang diadakan," katanya.

Beliau juga berkata, MT juga meluluskan permohonan dari cawangan atau bahagian yang hendak menanggungkan mesyuarat oleh sebab ramai ahlinya berada di Makkah.

"Tapi bagi cawangan, permohonan hendaklah dikemukakan melalui bahagian," katanya.

(END)